



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT.100-2/1/5 JLD. 2 (23)

Tarikh : 30 April 2021

## **SIARAN MEDIA**

---

### **ARAHAN PENUTUPAN BAZAR RAMADAN HANYA TERPAKAI KEPADA 22 BAZAR RAMADAN YANG BERISIKO TINGGI PENYEBARAN JANGKITAN COVID-19**

---

**PUTRAJAYA, 30 April 2021** – Merujuk kepada arahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi penutupan operasi Bazar Ramadan yang disahkan sebagai kawasan berisiko tinggi penyebaran jangkitan COVID-19. Daripada jumlah 1,073 Bazar Ramadan yang sedang beroperasi di seluruh negara, hanya 22 Bazar Ramadan telah diarahkan untuk menutup operasi berkuatkuasa 1 Mei 2021.

Berdasarkan data terkumpul daripada laporan sistem *Hotspot Identification by Dynamic Engagement* (HIDE) yang telah dibangunkan bersama oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bazar-bazar ini telah dikenalpasti sebagai kawasan berisiko tinggi yang boleh menjadi punca kepada penyebaran jangkitan COVID-19. Sistem HIDE bertujuan untuk memberi amaran awal dalam mencegah ledakan jangkitan COVID-19 dengan menggunakan data daripada aplikasi MySejahtera. Laporan HIDE telah menunjukkan bahawa angka kontak rapat yang tinggi di kalangan pengunjung dan peniaga di Bazar Ramadan yang terlibat.

Sehingga 15 April 2021, sebanyak 904 kes positif COVID-19 yang dilaporkan mempunyai sejarah kunjungan atau dijangkiti oleh individu yang pernah mengunjungi Bazar Ramadan tersebut.

Operasi Bazar Ramadan yang terlibat akan ditutup selama tiga (3) hari bagi tujuan sanitasi dan memperkemaskan semula Prosedur Operasi Standard (SOP) di Bazar Ramadan tersebut. Senarai 22 Bazar Ramadan yang terlibat dalam arahan penutupan ini adalah seperti di lampiran.

Sehubungan itu, semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disarankan untuk mengetatkan penguatkuasaan pematuhan SOP di Bazar Ramadan bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Peniaga dan pengunjung juga dinasihatkan agar sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi mengelakkan peningkatan kes COVID-19.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

**LAMPIRAN:  
BAZAR RAMADAN YANG DIKENAL PASTI SEBAGAI  
KAWASAN BERISIKO TINGGI**

BIL.	NEGERI	PBT	BAZAR
1.	Johor	MB PASIR GUDANG	Bazar Ramadan Belatuk Taman Scientex
2.		MB JOHOR BAHRU	Bazar Ramadan Kg Pasir, Jalan Mata Kuching
3.		MB JOHOR BAHRU	Bazar Ramadan @Mart Kempas
4.		MD KOTA TINGGI	Bazar Ramadan Lok Heng
5.	Kedah	MP KULIM	Bazar Ramadan Taman Selasih
6.		MD BALING	Bazar Ramadan Baling 2021
7.		MD BALING	Bazar Ramadan Kupang 2021
8.	Pahang	MP TEMERLOH	Bazar Ramadan Lurah Semantan
9.		MP TEMERLOH	Bazar Ramadan Temerloh Jaya
10.	Perak	MP TELUK INTAN	Bazar Ramadan Bazar Nenas Kg. Selabak
11.	Pulau Pinang	MB SEBERANG PERAI (MBSP)	Bazar Ramadan MPKK Jalan Tenggiri
12.		MB SEBERANG PERAI	Bazar Ramadan Attakwa Taman Bertam Indah
13.		MBPP / MBSP	Bazar Ramadan Bazar Ramadan
14.		MB PULAU PINANG (MBPP)	Bazar Ramadan Kampung Melayu
15.		MB PULAU PINANG	Bazar Ramadan Masjid Daerah Barat Daya
16.		MBPP / MBSP	Bazar Ramadan Iftar Ramadan Jalan Berangan Bkt Bntng 2021
17.		MB PULAU PINANG	Bazar Ramadan Bukit Gedung
18.		MB PULAU PINANG	Bazar Ramadan Taman Tun Sardon
19.	Selangor	MB SUBANG JAYA	Pusat Sementara Penjaja/Bazar Ramadan Puncak Jalil
20.		MP AMPANG JAYA	Bazar Ramadan Stesen LRT Cempaka
21.	WP KL	DB KUALA LUMPUR	Bazar Ramadan Tmn Setiawangsa
22.		DB KUALA LUMPUR	Bazar Iftar Ramadan Jalan Raja Alang

**Sumber: MySejahtera, Kementerian Kesihatan Malaysia.**

**(DB = Dewan Bandaraya; MB = Majlis Bandaraya; MP = Majlis Perbandaran; dan MD = Majlis Daerah)**